

Ancaman IS bukan manipulasi, publisiti atau rekaan, kata TPM
Free Malaysia Today
Sept 9, 2016

Datuk Seri Zahid Hamidi menasihati supaya sentiasa berwaspada semasa berada di tempat terbuka seperti pusat hiburan, rumah ibadat bukan beragama Islam dan tempat kunjungan ramai.

BAGAN DATOH: Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi hari ini berkata ancaman kumpulan militan IS di Malaysia bukanlah suatu manipulasi, publisiti atau sengaja diada-adakan.

“Saya ingin memberitahu rakyat ancaman IS ini memang benar,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihati mereka supaya sentiasa berwaspada semasa berada di tempat terbuka seperti pusat hiburan, rumah ibadat bukan beragama Islam dan tempat yang menarik kunjungan ramai.

Katanya, kerajaan menerusi pasukan keselamatan sentiasa bersiap siaga bagi memastikan kawalan keselamatan negara terjamin.

“PDRM melalui Bahagian Counter Terrorism Cawangan Khas sentiasa melakukan pemantauan pelbagai kaedah termasuk melalui media sosial bagi membendung pengaruh ancaman IS di negara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyerahkan 130 lembu korban sempena Aidiladha untuk diagihkan kepada masjid, surau serta agensi kerajaan dalam Bagan Datoh.

Selain Zahid, lembu berkenaan juga disumbangkan beberapa syarikat antaranya HeiTech Padu Berhad, Naza Group dan MyEG Services Berhad.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Belia Sukan, Komunikasi dan Multimedia negeri Datuk Shahrul Zaman Yahya yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Rungkup dan Pegawai Daerah Bagan Datoh Datuk Hamzah Hussin.

Zahid yang juga menteri dalam negeri mengulas laporan sebuah akhbar hari ini mengenai tindakan ketua militan Malaysia yang berpangkalan di Syria, Muhamad Wannady Mohamad Jedi, yang lantang mengulangi ancaman untuk terus menimbulkan kekacauan di negara ini.

“Kita tahu ada dalam kalangan pengikut (IS) di Malaysia mahu mengambil tindakan sebagaimana yang diarahkan bagi menunjukkan tentang Katibah Nusantara, yang kononnya sebuah kerajaan Islam di nusantara meliputi Malaysia, Indonesia, Selatan Thai, Selatan Filipina dan mungkin juga Singapura dan Brunei.

“Atas kebersamaan pasukan keselamatan sama ada polis atau tentera di seluruh negara Asean, kita sentiasa berkongsi maklumat tentang apa yang Wanndy lakukan...kita tahu arahan yang dikeluarkan Wanndy adalah arahan untuk memperlihatkan barisan kepimpinan atasan IS di Syria dan Iraq,” katanya.

Beliau berkata tindakan seperti pengeboman terbuka adalah bagi menentukan Wanndy berada di tahap pemimpin IS, yang menyumbangkan keganasan dan ancaman serta perlakuan di nusantara ini.

Zahid berkata rakyat negara ini yang menyertai kumpulan militan tidak mempunyai latar belakang agama atau pendidikan yang kukuh.

“Mereka ni orang yang kecewa terhadap sesuatu yang mereka sahaja ketahui. Jadi, kekecewaan itu diterjemahkan dengan memperlihatkan eskapisme,” katanya.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/09/09/ancaman-is-bukan-manipulasi-publisiti-atau-rekaan-kata-tpm/>